

11/08/2000

Senarai nama pengganti diserahkan kepada PM hari ini

KUALA LUMPUR, Khamis - Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd Taib akan menyerahkan senarai nama bakal menteri besar baru, kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, esok.

"Saya akan menemui Perdana Menteri pagi esok untuk mengemukakan senarai calon-itu. Terpulang kepada Perdana Menteri selaku Pengerusi Barisan Nasional (BN) dan Presiden Umno untuk membuat keputusan muktamad," katanya ketika dihubungi.

Bagaimanapun, Naib Presiden Umno dan bekas menteri besar itu enggan memberitahu nama-nama yang disenaraikan itu atau sama ada ia turut membabitkan namanya sendiri.

Setiausaha Badan Perhubungan Umno Selangor, Datuk Seri Onn Ismail pula berkata, mesyuarat khas Umno negeri hari ini bersetuju sebulat suara terhadap senarai nama itu.

Ditanya sama ada benar Umno Selangor membuat perakuan bahawa calon-calon itu hendaklah terdiri daripada ketua bahagian, Onn yang juga Speaker Dewan Undangan Negeri berkata keutamaan harus diberi kepada ketua bahagian kerana ia adalah jawatan tertinggi dalam bahagian.

"Bagaimanapun kami menyerahkan sepenuhnya kepada Perdana Menteri untuk membuat keputusan muktamad dan akan patuh kepada keputusan itu nanti," katanya sambil menambah, ramai yang layak menjadi menteri besar di kalangan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) dan exco Selangor sekarang.

Mulanya 15 nama dikatakan disenaraikan oleh Badan Perhubungan Umno Selangor, kebanyakannya anggota exco bagi memuaskan hati semua pihak. Ia bagaimanapun dikurangkan kepada lima nama saja dan akhirnya hanya tiga nama akan dikemukakan kepada Dr Mahathir.

Antaranya ialah Timbalan Menteri Besar, Datuk Dr Zainal Abidin Ahmad yang juga exco kanan; Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Setinggalan Selangor, Datuk Mokhtar Dahalan dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) kawasan Batang Kali, Datuk Zainal Abidin Sakom.

Difahamkan dua lagi nama yang disenaraikan sebelum itu ialah Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Shafie Salleh dan Muhammad sendiri.

Bagaimanapun, pemilihan mereka memerlukan pilihan raya kecil diadakan.

Dr Shafie yang juga Ahli Majlis Tertinggi Umno ialah Ahli Parlimen Kuala Langat. Muhammad, yang menjadi menteri besar sejak Ogos 1986 sehingga meletakkan jawatan itu pada 1997 kerana menghadapi satu kes mahkamah di Australia atas tuduhan tidak mengisytiharkan wang yang dibawanya, tidak bertanding dalam pilihan raya umum lalu.

Sementara itu, Zainal yang juga bekas setiausaha politik Muhammad, menyatakan kesediaannya mengosongkan kerusi Batang Kali untuk membolehkan bekas menteri besar itu menjadi Adun.

Muhammad bagaimanapun enggan mengulas perkara itu. "Itu saya tidak tahu. Segala pengumuman (berkisar kepada politik Selangor) hendaklah datang daripada Perdana Menteri," katanya.

Selain mempengerusikan mesyuarat khas Umno Selangor hari ini, Muhammad turut mengadakan perjumpaan dengan Wanita dan Pemuda Selangor serta wakil-wakil rakyat Umno di ibu pejabat Umno negeri di Shah Alam.

"Kita serahkan kepada Perdana Menteri untuk memilih seorang MB baru di kalangan pemimpin dan wakil rakyat Umno Selangor," kata Muhammad selepas mempengerusikan mesyuarat itu.

(END)